



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PAR 1 / 643/ 20/ 6 (08)
4 Mei 2020

DENGAN FAKS

KETUA-KETUA PENGARANG

LIPUTAN ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KETIGA MAJLIS PARLIMEN KEEMPAT BELAS

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Majlis Parlimen Keempat Belas** oleh **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** akan dilangsungkan pada hari **Isnin, 18 Mei 2020, jam 10 pagi** bertempat di **Bangunan Parlimen**.

3. Selaras dengan keputusan kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 serta langkah-langkah pencegahan lanjut, Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Majlis Parlimen Keempat Belas hanya membenarkan Agensi Media Rasmi seperti yang berikut sahaja membuat liputan sepanjang Majlis berlangsung iaitu :

- 3.1 RTM
- 3.2 BERNAMA


4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan disarankan untuk menghubungi agensi media rasmi berikut bagi mendapatkan *footage* liputan video dan foto untuk bahan berita masing-masing.

5. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHD NOR ASWADI BIN MD. NOR)

Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

s.k

➤ SUB(KP)